

Sinar Harian
22/4/17
MIS - 11

Minda Melayu **perlu berubah**

MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

KUALA LUMPUR - Minda orang Melayu perlu berubah sekiranya ingin berjaya dalam dunia perniagaan yang semakin mencabar.

Pengerusi Eksekutif Nadicorp Holdings Sdn Bhd, Tan Sri Dr Mohd Nadzmi Mohd Salleh berkata, perubahan minda itu perlu dilakukan supaya mereka tidak jauh ketinggalan dalam industri perniagaan, berbanding bangsa lain.

"Saya tidak mengecilkkan kebolehan orang Melayu dalam bidang perniagaan, malah saya lihat semakin ramai orang Melayu menceburi bidang ini.

"Cuma, saya mahu melihat lebih ramai orang Melayu memasuki dunia perniagaan. Apabila anda menceburi perniagaan, anda sebenarnya mencipta



DR MOHD NADZMI

peluang pekerjaan kepada orang lain dan ini satu perbuatan yang baik," katanya ketika berucap dalam Ceramah Aspirasi Usahawan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaysia (UM) di sini, semalam.

Menurutnya, bisnes yang ingin dilakukan tidak semestinya satu produk baharu, sebaliknya produk sedia ada diberikan nafas baharu atau ditambah baik



Sebahagian hadirin yang hadir ketika Ceramah Aspirasi Usahawan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaysia, semalam.

supaya ia menjadi produk usahawan itu sendiri.

Katanya, selain produk sedia ada, sesuatu produk baharu tidak semestinya sesuatu yang besar atau berbentuk mega, sebaliknya

produk kecil atau berskala kecil mungkin mendapat permintaan tinggi daripada pengguna pada masa akan datang.

"Saya ada seorang rakan yang menjual buku secara

kecil-kecilan di Amerika Syarikat semasa belajar dahulu. Dia menjual buku, tetapi beberapa penuntut bertanya sama ada dia ada menjual salinan contoh soalan peperiksaan dahulu.

Foto: ASRIL ASWANDI SHUKOR

"Pada mulanya, rakan saya tidak menjual contoh soalan itu, tetapi bertitik tolak daripada pendapat penuntut universiti, dia mengambil keputusan mengumpul soalan-soalan peperiksaan yang pernah keluar.

"Akhirnya, soalan peperiksaan yang dijualnya mendapat sambutan daripada penuntut dan dia menjadi 'jutawan segera' ketika itu," katanya.

Mohd Nadzmi turut menggalakkan graduan supaya menjadi usahawan, berikutan pasaran kerja semakin terhad, dengan bilangan mahasiswa semakin ramai saban tahun.

Katanya, dengan lahirnya ramai usahawan, maka peluang pekerjaan baharu akan muncul, sekali gus memberi peluang kepada individu lain mendapat pekerjaan.